



Razali menyempurnakan majlis perasmian Ekspo Kerjaya dan Keusahawanan UKM 2016.

Persediaan enam bulan terakhir pengajian

Oleh Nas Norziela Nasbah
nasnorziela@bh.com.my

► Bangi

Universiti perlu menganjurkan pelbagai program, terutama ekspo kerjaya dan keusahawanan yang dapat membuka peluang untuk bakal graduan merintis laju kerjaya mereka sebelum tamat pengajian.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Razali Ibrahim, berkata inisiatif itu amat penting dalam tempoh enam bulan terakhir yang disifatkan sebagai jangka masa paling sesuai bagi tujuan berkenaan.

Bakal graduan juga harus membuat persediaan sekurang-kurangnya enam bulan sebelum tamat semester akhir dengan mula mencari peluang pekerjaan, selain menerokai potensi menceburi bidang keusahawanan.

"Walaupun masih bergelar pelajar, mereka perlu menggunakan tempoh itu sebaik mungkin untuk menentukan hala tuju sebaik sahaja tamat pengajian nanti, antara lain melalui ekspo kerjaya dan keusahawanan.

Elakkan pengangguran
"Langkah ini dapat mengelakkan masalah pengangguran graduan dalam tempoh enam

bulan setelah tamat pengajian," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Ekspo Kerjaya dan Keusahawanan 2016 di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini, baru-baru ini.

Yang turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UKM, Prof Datuk Noor Aziah Mohd Awal, dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat), Prof Datuk Dr Imran Ho Abdullah.



Pelajar boleh mendapatkan pelbagai maklumat dan pengetahuan mengenai sesebuah organisasi serta kemahiran diperlukan supaya menepati kehendak pasaran"

Justin Tan Wei Jin,
Ketua Pengarah Projek

Ekspo dua hari itu dianjurkan Bahagian Pembangunan Kerjaya, Majlis Eksekutif Pelajar 2015/2016, Kolej Ibu Zain dengan kerjasama Pusat Pembangunan Keusahawanan dan EKS (CESMED) UKM.

Program dimei-riahkan dengan penyertaan pelbagai syarikat daripada industri berbeza, selain pameran bertajuk 'Virtual Career Fair' dan jualan makanan oleh usahawan trak.

Dekati industri

Ketua Pengarah projek, Justin Tan Wei Jin, berkata ekspo itu adalah lanjutan kepada program seumpama pada tahun 2012 dan tahun lalu, serta bertindak sebagai landasan menghubungkan bakal graduan dengan pihak industri.

Beliau berkata, pelajar boleh mendapatkan pelbagai maklumat dan pengetahuan mengenai sesebuah organisasi serta kemahiran diperlukan supaya menepati kehendak pasaran kerjaya semasa.

"Ekspo ini bukan sahaja membuka ruang untuk bakal graduan mencari peluang pekerjaan tetapi juga mendekati industri keusahawanan.

"Pihak industri pula dapat mempromosikan perniagaan mereka, di samping merekrut bakat muda dari universiti," katanya.

Pelajar UKM mendapatkan maklumat mengenai peluang kerjaya dalam pasaran.



Melahirkan Graduan Bertaraf Antarabangsa Adalah Matlamat Kami

Kami lahirkan profesional OSH bertaraf antarabangsa yang mementingkan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja dalam setiap industri di dalam dan luar negara. Industri seperti minyak dan gas, pembinaan, perkilangan, penerbangan, perladangan dan sebagainya mengiktiraf kerjaya keselamatan dan kesihatan pekerjaan ini sebagai amat penting dan utama. Profesional OSH bertaraf antarabangsa sentiasa mendapat permintaan yang tinggi dengan ganjaran dan gaji yang lumayan.



CONSIST College
COLLEGE OF SAFETY HEALTH AND ENVIRONMENTAL MANAGEMENT



Kursus Yang Ditawarkan
■ **DIPLOMA PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN** (R/462/4/0002-2/2016) - 46756



PENDAFTARAN UNTUK SESI JUN 2016 KINI DIBUKA

Untuk keterangan lanjut sila hubungi:
Ibu pejabat CONSIST : Lot 330, Bt. 8, Jln Ulu Kelang, 68000 Ampang, Selangor. Tel: 03-4108 9355/013-461 7362 (En Sahali)/016-625 2738 (En Shahrin)/012-320 1264 (Pn Aida) Faks: 03-4105 8578 E-mel: hq@consist.com.my/info@college@consist.edu.my

CONSIST TRAINING CENTRE
survival.safety.skills

OPITO

UNTUK AWAM SAFENVIRO SON BHD (11081074-M)
Learn Today Success Tomorrow

NEBOSH International Diploma
Pendaftaran Kursus Sepenuh Masa dan Sepenuh Masa - sebelum 15 Julai 2016

NEBOSH International General Certificate
Pendaftaran Kursus Sepenuh Masa - sebelum 1 Ogos 2016
Pendaftaran Kursus Sepenuh Masa - sebelum 11 Julai 2016

Untuk keterangan lanjut sila hubungi: 03-4108 9355 (CONSIST)
013-461 7362 (En Sahali) 016-625 2738 (En Shahrin) 012-320 1264 (Pn Aida)

A) OPITO Approved Courses

1. TBOSIET with EBS and Travel Safety by Boat (3 days)
2. FOET (Renewal of TBOSIET) with Travel Safety by Boat (1 day)
3. THUET (1 day)
4. TSBB- Travel Safety by Boat (half day)
5. EBS- Emergency Breathing System (half day)

B) Helicopter Deck Management and Emergency Response Courses

1. HLO Helicopter Landing Officer (2 days)
2. Helideck Landing Assistant (2 days)
3. Helicopter Refuelling (half day)
4. Offshore Emergency Helicopter Team Member Training (2 days)

C) Hydrogen Sulfide Safety

1. Hydrogen Sulfide Basic (1 day)
2. Hydrogen Sulfide Emergency Response Team (2 days)

D) Emergency First Aid

1. Designated First Aider (2 days)
2. Occupational First Aid (2 days)

E) Emergency Response Training

1. Damage Control Team (2 days)
2. Plant & Industrial Fire Fighting (2 days)
3. First Intervention Teams Training (2 days)
4. Offshore Emergency Response Team Training (3 days)
5. On Scene Commander Course (1 day)
6. Confined Space Entry & Rescue (2 days)

SILA PEGAWAI KESELAMATAN DAN KESIHATAN (SHO) - 21 HARI
Daftar segera sebelum 1 Ogos 2016 (Kursus Sepenuh Masa)
sebelum 16 Julai 2016 (Kursus Sepenuh Masa). Test akhir kepada
bilangan minima 10 orang peserta.